




LEMBAGA PERLESENAN TENAGA ATOM  
KEMENTERIAN TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI,  
ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM

LEMBAGA PERLESENAN TENAGA ATOM  
(ATOMIC ENERGY LICENSING BOARD)  
Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan  
Perubahan Iklim  
(Ministry Of Energy, Science, Technology, Environment  
and Climate Change)  
Batu 24, Jalan Dengkil,  
43800, Dengkil, Selangor



19 Mac 2019  
Notis Pemberitahuan AELB  
Bil. 03/2019

**KEPERLUAN PENGISYTIHARAN PEMILIKAN BAGI PEMEGANG LESEN YANG  
MENJALANKAN AKTIVITI PENJUALAN (SYARIKAT PENJUAL) YANG MEMILIKI  
ATAU MENSTOR PERALATAN SINARAN**

**TUJUAN**

1. Tujuan Notis Pemberitahuan ini dikeluarkan adalah untuk memaklumkan kepada pemegang lesen yang melakukan aktiviti penjualan (syarikat penjual) berhubung keperluan mengisyiharkan pemilikan melalui penyata pemilikan secara atas talian jika memiliki atau menstor peralatan sinaran<sup>1</sup>.

**LATAR BELAKANG**

2. Mana-mana orang yang berurusan dengan peralatan sinaran hendaklah memiliki suatu lesen yang sah di bawah Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984 (Akta 304). Di bawah Seksyen 2 Akta 304, “berurusan dengan” merujuk kepada aktiviti yang melibatkan peralatan sinaran yang dikilang, diperdagang, dikeluar, diproses, dibeli, dipunyai, diguna, diangkut, dipindah, dikendali, dijual, distor, diimport atau dieksport. Bagi syarikat penjual yang mana peralatan sinaran dijual secara terus kepada pengguna yang berlesen, syarikat penjual tersebut hendaklah mengemukakan penyata penjualan kepada

---

<sup>1</sup> Peralatan sinaran merujuk kepada bahan radioaktif, bahan nuklear, benda ditetapkan atau radas penyinaran.

Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (AELB) dalam tempoh dua minggu selepas penjualan.

3. Di samping itu, terdapat juga syarikat penjual, menstor secara sementara peralatan sinaran sebelum dihantar kepada pengguna yang berlesen atau sebelum dilupuskan (dipindah milik daripada pengguna untuk dilupuskan). Berikut pemilikan atau penstoran secara sementara sebelum peralatan sinaran tersebut dijual atau dilupus, terdapat syarikat penjual yang beranggapan bahawa tiada keperluan untuk mengisyiharkan pemilikan. Sehubungan itu, notis ini dikeluarkan untuk menjelaskan mengenai perkara ini.

## KEPUTUSAN

4. Mesyuarat Perlesenan Bil.3/2019 pada 13 Mac 2019 telah memutuskan bahawa, jika pemegang lesen yang melakukan aktiviti penjualan memiliki atau menstor peralatan sinaran secara sementara sebelum dijual kepada pengguna yang berlesen atau sebelum dilupuskan, pemegang lesen tersebut hendaklah mengisyiharkan pemilikan melalui penyata pemilikan secara atas talian. Ini adalah selaras dengan peruntukan Seksyen 20(1) Akta 304 yang memperuntukkan:

*“Tiap-tiap pemegang lesen yang ada dalam miliknya atau di bawah kawalannya apa-apa bahan radioaktif, bahan nuklear, benda ditetapkan atau radas penyinaran hendaklah membuat suatu penyata mengenai bahan radioaktif, bahan nuklear, benda ditetapkan atau radas penyinaran itu kepada pihak berkuasa berkenaan sebagaimana ditetapkan.”*

Keperluan pengisyiharan pemilikan ini bertujuan untuk memantau pergerakan (tarikh dan lokasi penempatan) peralatan sinaran dalam tempoh sebelum peralatan sinaran diserahkan kepada pembeli atau sebelum dilupuskan.

5. Selaras dengan keputusan tersebut, pemegang lesen yang melakukan aktiviti penjualan yang memiliki atau menstor peralatan sinaran hendaklah:

- a) mengemukakan penyata pemilikan secara atas talian dalam tempoh 14 hari setelah memiliki peralatan sinaran dengan status “distor”;
  - b) menstor peralatan sinaran di kemudahan penstoran yang diiktiraf dan mengikut prosedur yang ditetapkan oleh AELB sahaja;
  - c) memastikan tujuan lesen turut merangkumi “memiliki” dan “menstor”; dan
  - d) memastikan aspek keselamatan dan sekuriti peralatan sinaran yang distor.
6. Proses penyerahan kepada pengguna yang berlesen (pembeli) bagi peralatan sinaran yang telah diisyihar dalam penyata pemilikan syarikat penjual boleh dibuat dengan cara pindah milik melalui modul Maklum Balas Penyata Pemilikan di bahagian Pindah Milik tanpa perlu memohon lesen aktiviti pindah milik<sup>2</sup>.
7. Bagi mana-mana pemegang lesen yang belum mengisyiharkan peralatan sinaran yang dimiliki atau distor sebelum notis ini dikeluarkan hendaklah mengisyiharkan pemilikan peralatan sinaran melalui penyata pemilikan secara atas talian dengan kadar segera.

## **PENGUATKUASAAN ARAHAN**

8. Arahan ini adalah berkuatkuasa serta merta.

## **PENUTUP**

9. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan mengenai Notis Pemberitahuan ini, sila berhubung dengan AELB menggunakan alamat di bawah.

Lembaga Perlesenan Tenaga Atom  
Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi,  
Alam Sekitar dan Perubahan Iklim  
Batu 24, Jalan Dengkil, 43800 Dengkil

No. Tel : +603-89225888  
No. Faks : +603-89223685  
E-mel : [mnr-customer@aelb.gov.my](mailto:mnr-customer@aelb.gov.my)  
Laman Web : [wwwaelb.gov.my](http://wwwaelb.gov.my)

---

<sup>2</sup> Lesen aktiviti pindah milik diperlukan sekiranya pindah milik melibatkan syarikat pengguna kepada pengguna lain.